



KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 JULAI 2023 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

28 JULAI 2023 (JUMAAT)

Konsep Payung Rahmah diperkuuh tangani cabaran kos sara hidup

Kuala Lumpur: Konsep Payung Rahmah akan terus diperkuuhkan oleh kerajaan, bagi menangani cabaran kos sara hidup, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, inisiatif cetusan idea Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub, itu akan menjadi pembakar semangat kepada Kerajaan Perpaduan untuk melakukan yang terbaik demi negara.

"Semua yang mengenali beliau, amat terkesan sekali dengan pemergian tokoh hebat ini. Kerja keras dan kesungguhan beliau dalam menangani beban sara hidup rakyat akan menjadi pembakar semangat untuk kita semua melakukan yang terbaik

untuk Malaysia tercinta," kata beliau.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat di sini hari ini.

Salahuddin, 61, meninggal dunia di Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar, Kedah pada Ahad lepas selepas ditidurkan susulan pembedahan akibat pendarahan otak.

Inisiatif jangka pendek

Ketika hayatnya sebagai Menteri, Salahuddin amat komited dalam memperjuangkan nasib rakyat, terutama berkaitan kos sara hidup.

Anwar berkata, konsep Payung Rahmah adalah di antara inisiatif sasaran jangka pendek da-

lam Ekonomi MADANI, sudah digerakkan bagi menangani isu-isu segera yang mengesankan rakyat.

Selain itu, katanya, pelaksanaan projek sekolah dan klinik daif yang mana pelbagai usaha dilakukan kerajaan, termasuk menambah peruntukan, memudahkan tatacara perolehan serta menurunkan kuasa pelaksanaan bagi mempercepat pelaksanaannya.

"Selain itu) ia untuk menutupkan kemiskinan tegar tahun ini juga. Usaha sudah digerakkan menerusi Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) supaya isi rumah miskin tegar punya peluang meningkatkan pendapatan mereka, dan tidak hanya semata-mata menerima bantuan tunai langsung," katanya.

Kuala Lumpur: Konsep Payung Rahmah akan terus dikukuhkan bagi menangani cabaran kos sara hidup, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, inisiatif cetusan idea Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub itu akan menjadi pembakar semangat kepada Kerajaan Perpaduan untuk melakukan yang terbaik demi negara.

"Semua yang mengenali beliau amat terkesan sekali dengan pemerintahan tokoh hebat tersebut. Kerja keras dan kesungguhan beliau dalam menangani beban sara hidup rakyat akan menjadi pembakar semangat untuk kita semua melakukan yang terbaik untuk Malaysia tercinta," kata beliau.

Perkuatkukuh konsep Payung Rahmah

DIGITALISASI: TRANSAKSI TANPA TUNAI

Memanjangkan program e-dompet kepada B40 dan M40

	e-Belia Rahmah	B40 & M40 @ RM100
Kelayakan	18-20 tahun	<ul style="list-style-type: none"> ≥ 21 tahun Pendapatan <RM100k
Penerima	2 juta penerima	>10 juta penerima
Peruntukan	RM400 juta	~RM1 billion

INFOGRAPHIC Metro

PERUMAHAN MAMPU MILIK UNTUK SEMUA RAKYAT MALAYSIA

Membantu pemohon membelai rumah tanpa deposit

	Nilai rumah: <RM300 ribu		Jaminan pinjaman sehingga 120% nilai rumah		Dana jaminan RM5 billion
--	---------------------------------------	--	--	--	------------------------------------

INFOGRAPHIC Metro

dalam Ekonomi Madani, sudah digerakkan bagi menangani isu segera yang mengesankan rakyat.

Salahuddin, 61, meninggal dunia di Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar, Kedah pada Ahad lalu selepas ditidurkan susulan pembedahan akibat pendarahan otak.

Selama hayatnya, Salahuddin amat komited dalam memperjuangkan nasib rakyat terutama yang berkaitan kos sara hidup. - Bernama

Konsep Payung Rahmah antara inisiatif sasaran jangka pendek dalam Ekonomi Madani, sudah digerakkan bagi menangani isu segera yang mengesankan rakyat.

sini, semalam.

Selain itu, "turut" hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan juga antara je-

maah menteri yang hadir ialah Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadilz

Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar berkata, konsep Payung Rahmah antara inisiatif sasaran jangka pendek

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat di

Payung Rahmah terus diperkasa, pembiayaan rumah 120%

KUALA LUMPUR — Konsep Payung Rahmah akan terus diperkuuhkan sebagai salah satu usaha untuk menokthahkan kemiskinan tегar, tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, konsep Payung Rahmah cetusan idea Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub akan terus diperkuuhkan.

"Usaha telah digerakkan melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat supaya isi rumah miskin tегar mempunyai peluang meningkatkan pendapatan dan tidak semata-mata menerima bantuan tunai langsung," katanya semalam.

Prihatin dengan keluh kesah rakyat yang mahu memiliki rumah pertama tetapi tidak mampu menyediakan deposit,

Anwar turut mengumumkan jaminan pembiayaan sehingga 120 peratus daripada harga rumah bernilai sehingga RM300,000.

Ujarnya, kerajaan menambah baik skim pinjaman di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dengan menyediakan jaminan pembiayaan itu.

"Ini termasuk jumlah pembiayaan pokok, yuran guaman, yuran penilaian dan insurans serta pembelian perabot dan kos ubah suai," ujarnya.

Selain itu, beliau memberitahu, peruntukan sebanyak RM42 juta disediakan bagi Program Bina Kerja untuk pekerja tidak formal termasuk pekerja gig.

Menurut beliau, usaha merusuri Pertubuhan Keselamatan

Sosial (Perkeso) itu bertindak sebagai program peningkatan kemahiran golongan tersebut.

"Ia turut melibatkan pekerja gig dengan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah," katanya.

Anwar memberitahu, kerajaan turut memperuntukkan RM10 juta bagi memudah cara proses pendaftaran dan memperluas program pemutihkan taska serta pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar.

Katanya, ia antara usaha bagi menggalakkan golongan ibu untuk kembali bekerja.

"Banyak lagi perlu dilakukan bagi memastikan tahap penyertaan yang lebih tinggi oleh wanita di dalam pekerjaan," ujarnya.



PAYUNG Rahmah adalah inisiatif Allahyarham Salahuddin (kiri) bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Konsep Payung Rahmah cetusan Salahuddin terus diperkuuh - Anwar

KUALA LUMPUR - Konsep Payung Rahmah akan terus diperkuuh bagi menangani cabaran kos sara hidup, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, inisiatif cetusan idea Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub itu akan menjadi pembakar semangat kepada Kerajaan Perpaduan untuk melakukan yang terbaik demi negara.

"Semua yang mengenali beliau amat terkesan sekali dengan pemergian tokoh hebat ini. Kerja keras dan kesungguhan beliau dalam menangani beban sara hidup rakyat akan menjadi pembakar semangat untuk kita semua melakukan yang terbaik untuk Malaysia tercinta," kata beliau.

Anwar berkata demikian ketika ber-

ucap pada majlis peluncuran Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat di sini.

Anwar berkata, konsep Payung Rahmah adalah antara inisiatif sasaran jangka pendek dalam Ekonomi Madani, telah digerakkan bagi menangani isu-isu segera yang memberi kesan kepada rakyat.

Salahuddin, 61, meninggal dunia di Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar, Kedah, Ahad lepas selepas ditidurkan susulan pembedahan akibat pendarahan otak.

Selama hayatnya, Salahuddin amat komited dalam memperjuangkan nasib rakyat terutama berkaitan kos sara hidup.

Sementara itu, usaha tuntas dari aspek perundungan dan kawal selia serta program sokongan diperlukan bagi menggalakkan para ibu untuk kembali bekerja seterusnya

merapatkan jurang jantina dalam pasaran buruh.

Perdana Menteri berkata, ini termasuk menangani isu sistemik seperti kerja-kerja penjagaan tanpa gaji, diskriminasi jantina serta dasar sokongan keluarga.

Sehubungan itu, Anwar memberitahu sebagai satu daripada inisiatif Ekonomi Penjagaan (Care-Economy), pusat jagaan kanak-kanak mampu milik akan disediakan yang dilihat berupaya meningkatkan kadar penyertaan wanita di alam pekerjaan.

"Kerajaan juga akan memudah cara proses pendaftaran dan memperluas program pemutihan taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar seluruh negara dengan peruntukan RM10 juta," katanya.

Inisiatif Payung RAHMAH stabilkan inflasi

Inflasi Subkumpulan Makanan di Luar Rumah berjaya diturunkan sehingga 8.1 peratus

Inisiatif Payung RAHMAH yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) terbukti berjaya menstabilkan inflasi pada kadar yang lebih rendah.

Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Azman Mohd Yusof berkata, program Payung RAHMAH adalah manifestasi keprihatinan dan konsep kasih sayang kerajaan kepada rakyat Malaysia, khususnya golongan berpendapatan rendah dengan kerjasama rakan-rakan strategik yang terlibat.

Menurutnya, kedudukan inflasi dengan trend mereda bagi Subkumpulan Makanan di Luar Rumah turut disumbangkan oleh pengenalan Menu RAHMAH pada 31 Januari lalu.

"Inflasi Subkumpulan Makanan di Luar Rumah berjaya diturunkan kepada kadar 8.1 peratus (Mei 2023) berbanding 9.6 peratus (November 2022).

"Setakat ini, terdapat sebanyak 2,922 bilangan operator pengusaha Menu RAHMAH di seluruh negara dan 290 pengusaha menu Siswa RAHMAH di universiti awam dan politeknik," katanya kepada Sinar Harian baru-baru ini.

Azman berkata, program Jualan RAHMAH yang menawarkan diskain harga barang makanan dan keperluan asas sehingga 30 peratus sedang giat dilaksanakan oleh KPDN melibatkan 222 Kawasan Parlimen seluruh negara.

"Sehingga 30 Jun tahun ini, KPDN telah melaksanakan sebanyak 3,557 lokasi Jualan RAHMAH.

"Penekanan diberikan kepada pelaksanaan Jualan RAHMAH secara mobil dengan hashtag #KedaiCariRakyat bagi memastikan manfaat Jualan RAHMAH dapat dinikmati oleh lebih ramai golongan rakyat berpendapatan rendah," katanya.

Jelasnya, Program Jualan, RAHMAH ini dilaksanakan dengan tiga cara iaitu cara yang pertama ialah dengan membuat jualan di dalam premis yang sesuai seperti pasar raya, hypermarket dan sebagainya.

Kerjasama dengan pemimpin

"Cara yang kedua adalah secara di lapangan di mana KPDN bekerjasama dengan pemimpin tempatan membawa pemain-pemain industri untuk membuat jualan di kawasan parlimen dan DUN."

Talian Aduan KPDN

- WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000
- Portal Aduan; e-aduan.kpdn.gov.my
- Call Centre 1-800-886-800
- Emel e-aduan@kpdn.gov.my
- Ez ADU KPDN
- Bilik Gerakan Pengukuasaan 03-8882 6088 / 6245



Program Jualan RAHMAH KPDN turut disokong dengan Jualan AgroMadani oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang membawa hasil pertanian terus dari ladang pada harga yang lebih murah.



DATUK AZMAN MOHD YUSOF

"Manakala cara yang ketiga ia diadakan secara mobil oleh rakan strategik KPDN yang akan mengadakan jualan secara bergerak di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan pasar raya atau premis peruncitan yang bersesuaian serta jauh untuk mendapatkan barang keperluan harian," katanya.

Katanya lagi, Program Jualan RAHMAH KPDN turut disokong dengan Jualan AgroMadani oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) yang membawa hasil pertanian terus dari

ladang pada harga yang lebih murah.

"Sehingga kini sebanyak 620 Jualan Agro-Madani telah dilaksanakan termasuklah di 52 premis kerajaan di seluruh negara," katanya.

Azman berkata, sebelum ini juga kerajaan telah melaksanakan beberapa program yang memahami dan mendekati denyut nadi rakyat seperti Program Pengedaran Barang Perlu Community Drumming dan LPG, Program Skim Subsidi Minyak Masak (COSS), Program Subsidi Tepung Gandum dan Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan.

Menurutnya, semua program ini bertujuan memastikan rakyat mendapat barang keperluan asas pada harga yang berpatutan.

"Seramai 946 pegawai pemantau harga di seluruh negara melaksanakan cerapan harga dan memantau barang di premis terpilih.

"Data harga yang diperoleh akan dipaparkan di dalam Aplikasi Price Catcher bagi membolehkan pengguna membuat rujukan sebelum membuat pembelian," katanya.

Manfaatkan golongan sasar

Azman menambah, KPDN juga komited bagi memastikan subsidi yang diperuntukkan oleh kerajaan dimanfaatkan oleh golongan sasar dengan melaksanakan Ops Tiris dilancarkan pada 1 Mac yang lalu.

"Sepanjang pelaksanaan Ops Tiris bermula 1 Mac sehingga 20 Julai lalu, sebanyak 8,585 permeriksaan telah dijalankan di seluruh negara merangkumi stesen minyak, pemborong, pengilang, kuari, pos kawalan dan lain-lain premis dan sejumlah 363 kes (182 kes serahan agensi)," jelasnya.

Jelas Azman lagi, seramai 2,200 pegawai pengukuasa telah digerakkan setiap hari bagi memantau harga 480 item di seluruh negara dengan 186 item dipantau secara harian.

"Data harga runcit dikutip setiap hari di lebih 1,400 premis di seluruh negara merangkumi pasar basah, pasaraya, pasaraya besar, kedai runcit dan pasar mini.

"Pemantauan yang dilaksanakan setiap hari menunjukkan harga kebanyakan item adalah stabil bagi tempoh empat bulan terkini," kata Azman.

Reaksi



Oleh IZWAN ROZLIN

AEON BIG menyokong inisiatif oleh KPDN melalui pelbagai Program "RAHMAH" sejak ia dilancarkan pada Februari lalu. Peluasan program yang bermula daripada Peruncit Runcit hingga kini diperluaskan kepada peruncit dan industri kategori lain menunjukkan lebih banyak organisasi perniagaan percaya kepada usaha gigih KPDN untuk membendung isu tersebut."

- Pengarah Urusan AEON BIG, Sheikh Farouk Mohamed.



Usaha bersama daripada kedua-dua pihak KPDN dan sektor peruncitan penting untuk memastikan rakyat dapat manfaat dari setiap sen yang dikeluarkan. Sebagai sebuah pasar raya besar, Mydin cuba mengekalkan harga yang paling rendah terutama melibatkan barang keperluan harian."

- Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Dr Ameer Ali Mydin.



Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini, saya harap orang ramai dapat berbelanja secara berhemah dengan menggunakan perbelanjaan barang keperluan terlebih dahul. Boleh untuk berbelanja besar tetapi perlu ingat simpanan pada waktu susah."

- Pakar Ekonomi University College i-CATS Kuching, Profesor Datuk Dr Shazali Abu Mansor.



Sebagai pengguna, saya harap agar KPDN dapat mengadakan penguatkuasaan lebih ketat terutama melibatkan ketirisan minyak paket agar ia sampai kepada pengguna sasar dan golongan berpendapatan rendah."

- Pekerja swasta, Muhammad Sham Osman, 50.



Sebagai suri rumah, saya harap agar sebarang kenaikan barang keperluan harian seperti beras, ikan, dahi ayam dapat dikawal sebaliknya memandangkan kos kehidupan semakin tinggi terutama keluarga yang mempunyai anak yang masih kecil dan bersekolah terutama sekali penduduk yang tinggal di bandar."

- Suri rumah, Rusmawati Senawi, 44.

'Salahuddin Ayub yang saya kenal'



PERSPEKTIF
JOHAN JAFFAR

Sewaktu slaran langsung Townhall Rakyat Sinar Harian Bersama Datuk Seri Salahuddin Ayub pada malam 29 Mei 2023, Allahyarham menyebut nama saya pada minit yang ke-43. Beliau memberitahu hadirin bahawa saya guru media beliau. Banyaklah yang kemudian bertanya apakah benar saya guru media beliau?

Saya mengenal beliau sejak lebih 20 tahun. Sewaktu saya mengendalikan sebuah program bual bicara di Radio Televisyen Malaysia (RTM), saya telah mengundang beliau untuk menjadi tetamu saya.

Sewaktu Kadir Syeikh Fadzir (sekarang Tan Sri) menjadi Menteri Penerangan, RTM telah membuka pintu untuk anggota pembangkang muncul di TV1. Hal ini tidak pernah berlaku sebelum itu.

Pada ketika itu, banyaklah anggota pembangkang yang kini memegang jawatan penting dalam parti dan juga kerajaan muncul dalam program Debat Perdana.

Seingat saya, beliau muncul pertama kali pada tahun 2006. Pada masa itu beliau bersama Pas dan mewakili pimpinan pelapis yang dinamis dan progresif dalam parti itu.

Mulai saat itu saya mula mengikuti perkembangan dalam dunia politik. Saya sentiasa menjadi 'abang' kepada beliau.

Saya mungkin tidak sefaham dengan aliran politiknya tetapi saya tetap menghormati beliau kerana perawakan, kejujuran dan kesederhanaannya.

Sejak beliau menjadi menteri sewaktu kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang pertama lagi, saya selalu diajak berbual tentang pelbagai hal yang membabitkan kementeriannya.

Pada masa itu beliau menerajui Kementerian Pertanian dan Asas Tan. Di bawah Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau menjadi menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak.

Beliau banyak mengajak saya berbual tentang persepsi dan sambutan rakyat terhadap apa yang dilakukannya dan prestasi kementeriannya. Saya akan memberikan pandangan sejurus-jurusnya.

Saya sering mengingatkan beliau bahawa mana-mana kementerian boleh mempunyai perancangan yang hebat. Tetapi selalunya menteri dan kementerian jadi kurang keserasi dalam 'memasarkan' sesetua rancangan.

Selalunya juga mereka tidak dapat menyampaikan gagasan atau dasar itu secara berkesan kepada rakyat. Saya juga mengingatkan beliau tentang di-

“

Dalam negara yang dicarakkan oleh politik kelainan akibat bangsa, agama dan kepentingan, seseorang tidak mudah untuk diterima oleh semua. Beliau telah membuktikan bahawa perbezaan pendapat tidak salah, kita boleh bersetuju untuk tidak bersetuju malah berbalah asalkan dengan adab dan mengekalkan decorum serta rasa hormat menghormati.”

strust (ketidakpercayaan) rakyat terhadap apa pun yang mahu dilakukan oleh kerajaan.

Maka itu, bagi saya komunikasi adalah segala-galanya. Setiap menteri adalah 'jurujual' kementerian dan produk kementeriannya. Sekiranya gagal dijual dan dipromosikan dengan baik, program sebaik mana pun tidak akan dihargai berkesan, bermanfaat dan menguntungkan mereka yang disasarkan.

Dalam era teknologi maklumat ini 'jualan' itu harus dibuat bukan sahaja melalui saluran rasmi tetapi juga menggunakan platform media sosial yang sedemikian berpengaruh.

Apabila beliau bercadang untuk melancarkan konsep Menu Rahmah, beliau meminta pandangan saya apakah implikasi program itu. Saya menganggap itu program yang sangat baik. Bagi saya ia merupakan cetusan idea yang luar biasa.

Apakah sahaja program yang mengambil kira kepentingan rakyat, terutamanya rakyat bawahan, sudah tentu akan diterima dengan baik. Namun demikian saya mengingatkan beliau tentang beberapa perkara yang perlu diambil kira.

Pertama, tentang kelestarian program itu. Jangan sampai ia bersifat hangat-hangat tahi ayam sahaja. Yang kedua, kekuatiran bahawa tawaran harga murah Menu Rahmah boleh dililitkan akan menjelaskan peniaga lain. Backlash daripada peniaga makanan yang bergantung hidup pada jualan cara biasa harus juga diambil kira.

Yang ketiga, saya mengingatkan tentang kualiti menu yang disajikan. Ini ada kaitannya dengan aspek keselamatan makanan dan kandungan makanan itu sendiri. Saya menarik perhatian beliau pada apa dikenal sebagai nasi kucing di Indonesia.

Menu jenis ini popular di kota-kota di mana terdapat banyak universiti. Para pelajar akan membeli nasi kucing dengan harga yang sangat murah. Biasanya bungkus nasi kucing ini terdiri daripada nasi dengan sambal,



Johan (kiri) yang mengenali Salahuddin selama lebih 20 tahun dan dianggap sebagai guru medianya.

sedikit tempe goreng atau ikan kering. Harganya kira-kira Rp1,500 atau lebih kurang 40 sen.

Beliau melancarkan program Menu Rahmah pada 31 Januari 2023 di Pasar Raya Mydin Subang Jaya. Apa yang penting adalah program itu mendapat sokongan awal pelbagai pihak terutamanya para peniaga sendiri.

Menu Rahmah adalah sebahagian usaha untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Menu Rahmah mengambil bentuk makanan tengah hari atau malam yang seimbang merangkumi nasi serta pilihan protein seperti ayam atau ikan dan sayuran yang ditawarkan pada harga RM5 sepinggan atau kurang.

Saya percaya beliau sendiri tidak menyangka bahawa program ini mempunyai momentum dan nyawanya yang tersendiri. Ia merupakan program yang mendapat sambutan luar biasa dan merbak secara natural. Malah program ini mendefinisikan beliau dan menjadi salah satu mercu tanda kejayaannya sebagai menteri.

Beliau meninggal dunia dengan cara mengejut, dalam usia yang relatif muda. Namun demikian beliau meninggalkan legasi yang tidak mungkin terhakim. Pemerjiamnya pada Ahad lepas membangkitkan rasa kesedihan luar biasa bagi rakyat Malaysia. Beliau merupakan bintang cemerlang di persada politik negara.

Allahyarham sudah biasa jatuh bangun dalam dunia politik. Dunia politik di negara kita selalunya sentiasa sengit dan menggelegak. Tidak mudah untuk

menjadi gentleman dalam suasana semacam itu.

Dalam negara yang dicarakkan oleh politik kelainan akibat bangsa, agama dan kepentingan, seseorang tidak mudah untuk diterima oleh semua. Beliau telah membuktikan bahawa perbezaan pendapat tidak salah, kita boleh bersetuju untuk tidak bersetuju malah berbalah asalkan dengan adab dan mengekalkan decorum serta rasa hormat menghormati.

Beliau keras dalam lembut, tegas dalam prinsip dan komited untuk memberikan yang terbaik. Kenyataan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh melalui hantaran di platform media sosial mewakili pandangan banyak orang tentang sosok manusia bernama Salahuddin ini.

Hakikat bahawa beliau memberitahu timbalannya, Sim Tze Tzin bahawa beliau bersasi tenang setiap malam oleh sebab memaafkan semua musuh dan mereka yang menyakiti hatinya adalah cerminan peribadinya yang sebenar.

Beliau juga selalu memperingatkan dirinya sendiri bahawa kuasa, keduduan dan pangkat tidak kekal. Terlalu banyak yang boleh dilakukannya lagi, tetapi beliau telah pergi meninggalkan kita.

Negara kehilangan seorang pemimpin politik yang berjasa, saya kehilangan seorang adik yang berhemah tinggi, al-Fatihah untuk Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub.

* Tan Sri Johan Jaaffar adalah Tokoh Wartawan Negara.



KERATAN AKHBAR (AGENSI KPDN)

28 JULAI 2023 (JUMAAT)

STEPPING UP THE FIGHT AGAINST FINANCIAL CRIME

COUNTERING money laundering and terrorism financing was the focus of the Companies Commission of Malaysia (SSM)'s 12th annual national conference.

With the theme *Shared Responsibility in Strengthening Anti-Money Laundering/Countering Financing of Terrorism Compliance: Risks, Challenges and Collaborations*, the event aimed to enhance cooperation among regulators, law enforcement agencies and industry players to tackle financial crime.

The SSM National Conference (SSMNC) 2023 was a two-day virtual event on July 25-26, and drew in over 3,000 participants.

SSMNC2023 addressed crucial issues and explored effective strategies to deter illicit activities within the financial system. Besides delving into regulatory expectations, participants assessed the risks associated with money laundering and counter financing of terrorism efforts.

"I hope all the plenary sessions will provide new perspectives and prepare the corporate community to face the challenges in tackling money laundering and countering financing of terrorism," SSM chairman Ahmad Sabki Yusof said during the launch of the conference on July 25.

He added that the conference has been an established platform over the last decade for regulatory education, earnest discourse, and networking for business and corporate professionals.

Sabki also read out the speech by the late Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub, who passed away on July 23.

In the speech, Salahuddin said: "The Malaysian government enacted the Anti-Money Laundering Act (AMLA) in 2001 to combat the mounting threat of money laundering. To strengthen the act, it was amended several times and was later known as Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2014."

SSM 12th annual national conference calls for greater cooperation to tackle money laundering and terrorism financing



"Each year, the conference strives to highlight pressing and significant topics that serve as an educational platform to empower the corporate sector," says SSM chairman Ahmad Sabki Yusof at the virtual SSMNC2023.

The late minister shared that the nation became a member of the Financial Action Task Force (FATF) in 2016 and to date, Malaysia is compliant or 20 FATF recommendations, largely compliant on 18 and partially compliant on two.

The assessment found that our nation has a robust anti-money laundering and countering financing of terrorism framework with generally well-developed and

implemented policies.

"Following FATF's evaluation, Malaysia worked to develop an action plan for addressing issues identified during the evaluation."

Also in attendance at the launch were Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Fuziah Salleh and secretary-general Azman Mohd Yusof.

The chosen topic for SSMNC 2023 aligns

perfectly with the overarching objective of promoting financial transparency and thwarting any attempts to misuse the financial system for nefarious purposes.

With experts and stakeholders from various sectors coming together at the conference, significant strides were made in the battle against financial crime and terrorist funding.

SSM chief executive officer Datuk Nor Azimah Abdul Aziz said SSM has issued a guideline called the *Reporting Framework For Beneficial Ownership Of Legal Persons Pursuant to Section 20C of the Companies Commission of Malaysia Act 2001* in preparation for FATF's upcoming mutual evaluation.

She added that SSM also released a consultative paper on proposed amendments to the Companies Act 2016 and Limited Liability Partnership Act 2012 to strengthen the reporting framework on beneficial ownership.

"As a regulatory body, SSM has always supported the national agenda in the fight against money laundering and financing violence," she said.

This year, SSMNC2023 hosted 11 plenary sessions with 48 distinguished speakers who explored topics close to the selected theme, and highlighted topics like *Preventing Money Laundering and Terrorism Financing – Malaysia's Risk Map* which discussed key findings and recommendations of the National Risk Assessment 2020 (NRA 2020) and FATF Mutual evaluation of Malaysia in 2024-2025.

Notable topics included *Be Scam Aware, Prevention and Good Practice in NPO Sector Against Money Laundering and, Terrorism Financing and Enhancement to the Corporate Rehabilitation Framework*.



BERITA ONLINE

(KPDN)

28 JULAI 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 28 JULAI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-Jul	KPDN bantu pelajar tangani kemiskinan haid	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/270372	SH
28-Jul	Kerajaan sekat bantuan tanpa tunai jika beli 'game online'	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/kerajaan-sekat-bantuan-tanpa-tunai-jika-beli-game-online/	UM
28-Jul	Op Tiris: Pemilik stesen minyak langgar arahan kena tindakan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/270295	SH
28-Jul	KPDN rancang teruskan bantuan tanpa tunai untuk pelajar tingkatan enam, kolej vokasional	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2210437	BERNAMA
28-Jul	KPDN rancang Inisiatif Rintis Bantuan Tanpa Tunai diperluas	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/68187-kpdn-rancang-inisiatif-rintis-bantuan-tanpa-tunai-diperluas	BERITARTM
28-Jul	Ministry plans to continue cashless aid programme for students	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/935610/ministry-plans-continue-cashless-aid-programme-students	NST
28-Jul	KPDN plants to continue cashless aid programme for students	https://bernama.com/en/news.php?id=2210470	BERNAMA
28-Jul	KPDN rancang teruskan bantuan tanpa tunai untuk pelajar tingkatan enam, kolej vokasional	https://www.thesundaily.my/cerita/kpdn-rancang-teruskan-bantuan-tanpa-tunai-untuk-pelajar-tingkatan-enam-kolej-vokasional-OL11290817	THESUNDAILY
28-Jul	Serah pada PM pilih menteri terajui KPDN - Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/270390	SH
28-Jul	KPDN plans to continue cashless aid programme for students	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-plans-to-continue-cashless-aid-programme-for-students-CL11291388	THESUNDAILY

28-Jul	KPDN rancang terus bantuan tanpa tunai untuk pelajar Tingkatan Enam, kolej vokasional	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rancang-terus-bantuan-tanpa-tunai-untuk-pelajar-tingkatan-enam-kolej-vokasional	ASTROAWANI
28-Jul	Serah pada PM pilih menteri terajui KPDN - Fuziah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/270390	SH
28-Jul	KDPN serah kepada PM tentukan pengganti Salahuddin	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kdpn-serah-kepada-pm-tentukan-penganti-salahuddin/	UM

